

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 12 MAC 2015 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Alat hadkan kelajuan kenderaan elak nahas	Utusan Malaysia
2	Kolam ternakan ikan bebas DNA babi	Harian Metro
3	Afdlin lancar minuman mineral Qafshauki	Utusan Malaysia
4	Qafshauki minuman tenaga bebas gula, lemak	Kosmo
5	Angin kencang timur laut dijangka berterusan sehingga jumaat ini	Bernama.com

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (RENCANA) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 12 MAC 2015 (KHAMIS)

Alat hadkan kelajuan kenderaan elak nahas

Oleh M JASNI MAJED

TIMBALAN Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah baru-baru ini memberi penekanan bahawa kelajuan adalah satu faktor utama yang menyumbang kepada kemalangan jalan raya.

Justeru, beliau berharap agar kerajaan mempertimbangkan kenderaan di Malaysia dilengkapi dengan alat yang dapat mengawal had laju sesebuah kenderaan.

Memandangkan had laju kebangsaan yang diperuntukkan undang-undang adalah 110 kilometer sejam, alat kawal had laju tersebut mestilah dihadkan kelajuannya menjadi 110 kilometer sejam bagi kenderaan biasa, kenderaan awam dan kenderaan berat. Pengecualian diberikan kepada kenderaan pasukan penguatan kuasa.

Menurut beliau lagi, jika kerajaan melaksanakan cadangan tersebut, ini bermakna Malaysia menjadi negara pertama yang mengehadkan kelajuan kenderaan mengikut had laju undang-undang kebangsaan.

Peningkatan kes kemalangan dan kematian jalan raya di negara kita menjadikan pelbagai pihak berusaha menangani masalah tersebut supaya tidak semakin serius. Walaupun jumlah kematian di jalan raya pada tahun 2014 mengalami penurunan berbanding tahun 2013, tetapi penurunannya tidaklah begitu memberangsangkan.

Apa-pun, jumlah kematian di jalan raya di dalam negara dianggap angka yang agak tinggi kerana kita pernah mencatatkan purata 19 maut di sehari iaitu pada 2013 dan menurun kepada 18.5 pada tahun lepas.

Catatan sepanjang Op Selamat VI baru-baru ini pula menunjukkan hanya 15 kematian dalam sehari ia itu dalam tempoh dua minggu operasi tersebut dijalankan.

Usaha mengurangkan kemalangan dan kematian di jalan raya dilakukan dengan pelbagai kaedah untuk memastikan pengguna jalan raya mematuhi peraturan di jalan raya, memandu secara berhemah,



ANGGOTA bomba membersihkan serpihan sebuah kereta yang terbabs di tengah-tengah laluan di Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2) sehingga mengakibatkan kesesakan lalu lintas pada 13 Januari lalu. - UTUSAN/IRWAN MAJID

tidak tergesa-gesa di jalan raya dan paling penting pengguna jalan raya mestilah memahami bahawa jalan raya bukan milik individu.

Mengehadkan kelajuan bagi kenderaan berat, kenderaan biasa dan kenderaan awam belum tentu dapat mengurangkan kemalangan dan kematian di jalan raya. Sikap pemandu mestilah diletakkan sebagai punca utama kemalangan jalan raya kerana jika seseorang pemandu itu memandu laju, ia berpunca daripada sikap.

Pengguna jalan raya yang memandu laju atau 'bermaharajela' di jalan raya boleh kita bahagikan kepada beberapa kategori. Pertama, memang suka memandu laju; kedua, kerana jenis kenderaan yang memang perlu dipandu laju; ketiga, kerana ada kes-kes kecemasan dan; keempat, kerana mengejar 'trip' terutama bagi kenderaan awam, penghantaran barang dan; kelima, kerana tidak pandai merancang masa dan perjalanan.

Di samping itu, faktor kenderaan dan teknikal tidak boleh dike-

tepikan sebagai penyumbang kepada peningkatan kes kemalangan di jalan raya. Jumlah kenderaan yang semakin meningkat dari setahun ke setahun di negara kita turut meningkatkan jumlah kemalangan di jalan raya.

Keadaan jalan raya terutama keserasikan boleh menyebabkan kemalangan jalan raya. Kerja-kerja pembinaan jalan raya yang terbengkalai, papan tanda yang tidak jelas selaluanya memudahkan pengguna jalan raya terperangkap apatah lagi bagi mereka yang jarang menggunakan laluan terabit.

Antara cadangan yang pernah dikemukakan berkali-kali termasuklah menaikkan had umur pemilik lesen memandu. Ramai berpendapat bahawa golongan remaja yang masih mentah usia tidak sepertutnya berada di jalan raya. Mereka ini berdarah panas dan kerana itu lah ramai dalam kalangan mereka terabit kemalangan dan kematian di jalan raya.

Malangnya, sekolah memandu juga sering menawarkan pelbagai

Sikap pemandu mestilah diletakkan sebagai punca utama kemalangan jalan raya kerana jika seseorang pemandu itu memandu laju, ia berpunca daripada sikap."

pakej untuk menarik golongan muda mendapatkan lesen memandu terutamanya lesen motosikal. Sehubungan itu, kita juga tidak boleh membelakangkan penunggang-penunggang motosikal yang menyumbang peratus kematian yang sangat tinggi di jalan raya. Menurut statistik, penunggang dan pembonceng motosikal mencatat hampir 60 peratus kematian di jalan raya.

Pendidikan mengenai keselamatan di jalan raya mestilah diperluaskan di samping memperbaikkan kempen kesedaran kepada masyarakat tentang usaha-usaha mengurangkan kemalangan, kesan kemalangan di jalan raya dan mendedahkan ciri-ciri permanduan berhemah.

Kadar denda kesalahan di jalan raya mestilah dikaji semula agar pengguna jalan raya berwaspada dan tidak melakukan kesalahan di jalan raya. Kesalahan-kesalahan serius di jalan raya mestilah dikenakan denda yang tinggi agar dapat menyedarkan pengguna jalan raya tentang pentingnya mematuhi peraturan.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 43
TARIKH: 12 MAC 2015 (KHAMIS)

Kolam ternakan ikan bebas DNA babi

Kuala Lumpur: Tiada sebarang unsur DNA khinzir dikesan menerusi sampel yang diambil dari kolam ternakan ikan air tawar di Batang Kali, dekat sini seperti di dakwa.

Jabatan Perikanan Malaysia dalam kenyataannya berkata, kesemua 18 sampel termasuk ikan, makanan basah serta tulang yang di-

ambil pada 20 Januari lalu dihantar ke **Jabatan Kimia** untuk dianalisis dan menunjukkan tiada kehadiran unsur DNA khinzir.

“Keputusan dikeluarkan menerusi makmal Jabatan Kimia pada 5 dan 11 Februari lalu menunjukkan tiada unsur DNA babi dikesan,” katanya.

Pemilik kolam terbabit sebelum ini menafikan dakwaan dia memberikan makanan bangkai haiwan termasuk babi yang dikisar sebagai bahan makanan ikan ternakannya.

Katanya, dia hanya memberikan perut ayam dengan kos RM30,000 sebulan sebagai bahan makanan.

+

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 12 MAC 2015 (KHAMIS)**



(DARI kanan), Afdlin Shauki, Norsabrina Mohd. Noor dan Muhammad Zubir Ismail menunjuk tanda bagus sempena pelancaran air bertenaga bebas gula Qafshauki di Sungai Petani, Kedah, kelmarin. - UTUSAN/ABD RAZAK OSMAN

Afdlin lancar minuman mineral Qafshauki

SUNGAI PETANI 11 Mac - Pelakon terkenal, Afdlin Shauki melalui syarikatnya, Vision Works (M) Sdn. Bhd., menapak selangkah lagi dalam dunia perniagaan menerusi pelancaran minuman mineral bertenaga tanpa gula, Qafshauki.

Menggunakan herba Zafaran atau saffron yang dikenali umum sebagai antara herba terbaik dan termahal di dunia, Afdlin selaku Ketua Pegawai Eksekutif Vision Works yakin minuman tersebut mampu menambat hati rakyat negara ini yang kian mementingkan kesihatan dalam segala hal.

"Saya tidak pernah jumpa lagi minuman bertenaga yang tidak manis kerana kemanisan itulah sebenarnya yang menjadi 'aset' dalam minuman-minuman tenaga yang lain. Tentunya, perkara itu diketahui umum sebagai sesuatu yang tidak baik untuk badan terutamanya penghidap diabetes."

"Justeru kami menampilkan produk unik menggunakan herba yang tercakat kebaikannya di dalam al-Quran. Bukan saja tidak bergula malah tenaga serta khasiat ditawarkan menerusi minuman ini jauh mengatasi produk popular sedia ada di pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melancarkan produk tersebut bersama Pengurusi Jawatankuasa Sains, Inovasi dan Teknologi Maklumat, Komunikasi dan Teknologi Tinggi negeri, Datuk Norsabrina Mohd. Noor di Hotel Park Avenue, di sini semalam.

Sebelum ini, Afdlin sudah pun memiliki perniagaan jenama fesyen, BOB by Afdlin Shauki bagi memasarkan seluar pelikat dan batik yang sudah pun menembusi pasaran luar iaitu di Australia dan Afrika Selatan.

Selain itu, beliau turut menjadi tulang belakang terhadap pengeluaran beberapa produk di bawah jenama Boboi.

Mengulas lanjut, Afdlin berkata, harga yang mencecah RM7 sebotol bukan penghalang untuk produknya itu menambat hati pengguna kerana maklum balas yang diterimanya sebelum ini menunjukkan ramai yang sedar mengenai khasiat serta harga zafaran yang mahal.

"Bayangkan, harga herba itu mampu mencecah sehingga RM23,000 sekilogram. Tetapi khasiatnya juga sepadan kerana di samping memberi tenaga, air

ini mampu menjadi penawar kepada penyakit tertentu termasuk menyegarkan badan.

"Apa pun, jangan tersilap. Air ini bukan air ruqyah atau air yang dijmpai. Qafshauki hanyalah air yang diperkayakan dengan pelbagai khasiat menggunakan herba zafaran dan sesuai untuk semua peringkat umur," katanya.

Sementara itu pengasas minuman berkenaan, Muhammad Zubir Ismail memberitahu, minuman tersebut sudah dihantar ke SIRIM Berhad (SIRIM) bagi memastikan kandungannya benar-benar mendatangkan manfaat kepada tubuh.

"Apabila disahkan khasiatnya mengatasi minuman tenaga sedia ada, itu yang membuatkan kami yakin untuk masuk ke dalam pasaran. Buat permulaan, kami akan memasarkannya menerusi ejen-ejen dilantik sebelum masuki pasaran runcit serta menembusi pasaran di Singapura dan Brunei dalam masa terdekat," katanya.

Mereka yang berminat menjadi ejen di Kedah boleh menghubungi Zubir sendiri di talian 013-5121717 atau Ady Sulaiman menerusi talian 019-2750577 di Kuala Lumpur.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
KOSMO (NIAGA) : MUKA SURAT 52
TARIKH: 12 MAC 2015 (KHAMIS)**

QafShauki minuman tenaga bebas gula, lemak

SUNGAI PETANI - Big Works (M) Sdn. Bhd. memperkenalkan produk QafShauki, minuman tenaga yang diperkuatkan dengan khasiat zaafaran dan dihasilkan dengan menggunakan teknologi canggih.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Afdlin Shauki Aksan berkata, QafShauki yang bebas gula dan lemak ini telah mendapat perakuan dan kelulusan daripada BioTeknologi Wilayah Utara dan **SIRIM** Bhd.

"Hasil ujian makmal menunjukkan minuman ini juga dapat meningkatkan kecergasan tubuh serta menyegukkan badan.

"Di samping itu, bahan mineral serta khasiat zaafaran yang terkandung di dalamnya juga mampu meningkatkan sistem imunisasi badan sekali gus mengurangkan risiko penyakit seperti demam, masalah penghadaman, sakit sendi dan kembung perut sekiranya diamalkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis pelancaran produk QafShauki yang disempurnakan oleh Pengerusi Jawa-



AFDLIN (dari kanan) bersama Norsabrina, Muhammad Zubir dan Jamaluddin (kiri) menunjukkan tanda bagus selepas majlis pelancaran QafShauki di Sungai Petani semalam.

tankuasa Sains, Inovasi, Teknologi Maklumat Komunikasi dan Teknologi Tinggi negeri, Datin Norsabrina Mohd. Noor di sini baru-baru ini.

Turut hadir pengasas QafShauki, Muhammad Zubir Ismail dan Pengarah Urusan Era Edar Marketing Sdn. Bhd, Jamaluddin Mat Piah.

Afdlin menerangkan, minuman yang dihasilkan dengan teknologi terkini itu juga sesuai diminum semua peringkat usia termasuk wanita yang sedang mengandung.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 12 MAC 2015 (KHAMIS)



Angin Kencang Timur Laut Dijangka Berterusan Sehingga Jumaat Ini

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora di perairan Condore, Reef North, Layang-Layang, Palawan, Reef South dan Labuan dijangka berterusan hingga Jumaat ini.

Keadaan sama turut berlaku di perairan Sarawak (Mukah, Bintulu, dan Miri), Sabah (Kudat, Pantai Barat dan Pedalaman) dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan hari ini berkata keadaan itu turut menyebabkan laut bergelora setinggi 3.5 meter dengan kelajuan 40-50 kilometer sejam dan ia berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi serta sukan laut.

-- BERNAMA